

19 NOV 1999

Hassan-calon

BN SELANGOR BUAT PERTUKARAN CALON PADA SAAT AKHIR

KUALA SELANGOR, 19 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional Selangor hari ini membuat satu pertukaran dalam senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya ini ekoran penarikan diri seorang dari calonnya.

Pengerusinya, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata, Aliah Mohd Salleh telah memberitahu hasratnya untuk menarik diri daripada bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Gombak Setia lewat petang semalam kerana masih belum bersedia.

Beliau berkata Aliah sebelum ini diberitahu mengenai keputusan pucuk pimpinan Umno untuk meletakkan beliau bertanding di kawasan terbabit hanya beberapa jam sebelum dimaklumkan kepada umum.

"Pada mulanya beliau terima, tetapi kemudiannya mungkin selepas berbincang dengan kaum keluarga dia ubah fikiran," katanya dalam persidangan berita selepas mengadakan pertemuan dengan Umno Selangor di Ibu pejabat Umno Kuala Selangor.

Beliau berkata Aliah yang telah meletak jawatan sebagai Penolong Kanan Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) kini sedang menimbang untuk menerima satu jawatan penting di salah satu anak syarikat kerajaan negeri.

Abu Hassan berkata beliau telah memaklumkan kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu dan bersetuju supaya seorang calon baru dikemukakan.

"Oleh kerana tiada calon wanita yang dirasakan sesuai di kawasan itu, kita telah bersetuju supaya dilantik Setiausaha Umno Bahagian Gombak, Abdul Ghani Yatim, sebagai calon," katanya.

Beliau berkata Ghani, 56, merupakan bekas Guru Besar dan mendapat pingat Jaksa Pendamai baru-baru ini.

Beliau berkata calon wanita BN kini menjadi lapan orang dan jumlah itu masih mencukupi kuota wanita yang ditetapkan.

Abu Hassan seterusnya menafikan dakwaan bahawa BN mengambil keputusan itu kerana sangsi dengan keupayaan Aliah menentang Ustaz Ismail Kamus di kawasan terbabit kerana menurutnya sehingga kini tiada siapa tahu calon mana yang akan diletakkan oleh pembangkang di kawasan itu.

Beliau turut menafikan keputusan itu diambil kerana tekanan Umno Bahagian Gombak yang tidak menyokong pencalonan Aliah.

-- BERNAMA

AZH zb